



KENANGAN Dr. Maszlee Malik (lima dari kanan) merakamkan gambar kenangan bersama wakil universiti yang menerima watikah status autonomi.



TERIMA LANTIKAN Dato' Dr. Mohd Sofi Osman, Pengurus LPU UMS (kanan) menerima watikah pelantikan bagi pihak UMS. Turut bersama pada majlis tersebut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

UMS terima Watikah Status Autonomi Universiti Awam

NST 6.10.2018 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi antara enam universiti yang menerima watikah status autonomi daripada Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik dalam satu majlis yang berlangsung kelmarin (4 Oktober 2018).

Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) UMS dalam satu kenyataan menjelaskan, penerimaan watikah tersebut menjadikan UMS sebaris dengan semua 20 universiti awam (UA) di negara ini

yang kini berstatus autonomi.

"Penilaian UA untuk tujuan pembenaran status autonomi tersebut telah dibuat secara berperingkat sejak tahun 2013, dengan penilaian merujuk kepada empat bidang iaitu tadbir urus institusi atau governan, tadbir urus akademik, kewangan, dan pengurusan sumber manusia.

"Melalui status autonomi ini, penurunan membuat keputusan adalah daripada Agensi Pusat kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dengan tujuan membolehkan UMS

bergerak dengan berkesan bagi mencapai kecemerlangan dan memperkasa Universiti ke peringkat dunia," jelas kenyataan tersebut.

Status autonomi tersebut turut membolehkan UMS lebih fleksibel dalam membuat keputusan bagi menentukan hala tuju universiti, dengan pengurusan UMS boleh membuat keputusan di peringkat universiti dalam melaksanakan perkara-perkara tertentu yang telah ditetapkan atau yang diberi penurunan kuasa oleh agensi pusat

berkaitan empat bidang yang disenaraikan.

"Namun demikian, meskipun pengurusan universiti mempunyai kuasa untuk mengurus sumber tanpa perlu merujuk kepada agensi pusat, universiti perlu mematuhi prinsip asas kerana autonomi UA bukan bersifat mutlak dan masih tertakluk kepada peraturan, strategi dan dasar kerajaan serta kementerian.

"Sejajar dengan status autonomi ini, peranan LPU UMS selaku pembuat keputusan akan terus

diperkasakan selaras dengan tanggungjawab yang diberikan bagi memastikan sumber universiti ditadbir secara integriti dan akauntabiliti.

"Autonomi ini ialah satu tanggungjawab dan amanah yang perlu warga UMS pikul dan tunaikan bersama, dan semua pihak dituntut untuk berusaha keras bagi memastikan UMS sentiasa memenuhi kriteria yang ditetapkan," demikian menurut kenyataan daripada PPSKK UMS.